

02/05/2001

Syor wujud pusat bakar sisa pepejal wajar dikaji semula

Yooga Rani Murugiah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan diminta mengkaji semula cadangan menjadikan kawasan bersebelahan bengkel Keretapi Tanah Melayu (KTMB) di Jalan Sentul di sini, sebagai pusat pembakaran sisa pepejal.

Jika cadangan itu dilaksanakan, ia akan memberi kesan kepada projek Sentul Raya yang dalam proses disambung semula serta keselamatan penduduk setempat kerana ia menggunakan kaedah pembakaran (insenerator) yang membebaskan bahan berbahaya seperti raksa dan gas beracun.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Tan Kee Kwong, berkata projek pusat pembakaran itu dijangka mencemarkan kawasan sekitarnya termasuk kira-kira 50,000 penduduk yang bakal mendiami tempat itu apabila projek Sentul Raya siap sepenuhnya.

"Peruntukan RM18 juta sudah diluluskan bagi projek perintis seluas 0.8 hektar ini tetapi ia masih dalam peringkat menunggu laporan Kesan Alam Sekitar (EIA)," katanya selepas merasmikan program kitar semula yang julung kali diadakan Gereja Baptist Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Segambut berkata, kajian pelbagai badan antarabangsa, khususnya di Amerika Syarikat, mendapati teknologi yang mengeluarkan gas berbahaya itu, boleh mencemari alam sekitar dan menyebabkan pelbagai masalah kesihatan termasuk barah.

Katanya, beliau sudah menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bulan lalu bagi membantah pelaksanaan projek berkenaan.

Bagaimanapun, beliau sehingga kini tidak menerima sebarang jawapan atau maklum balas daripada pihak berkenaan.

Dr Tan berkata, berdasarkan kajian, teknologi insenerator bukan kaedah terbaik bagi melupuskan sisa malah lebih banyak kaedah selamat boleh digunakan termasuk pensterilan dan gelombang mikro, yang kurang memberi kesan buruk kepada kesihatan serta alam sekitar.

"Tetapi kerajaan masih hendak menggunakan teknologi berbahaya itu walaupun ada kajian menunjukkan kaedah itu lebih memudaratkan kesihatan dan mencemari alam sekitar," katanya.

Sementara itu, kira-kira 50 tan akhbar lama dikumpulkan dalam masa sehari oleh lebih 200 ahli Gereja Baptist di sini sekali gus mencipta rekod dalam Malaysia Book of Records.

Sebelum ini, satu rekod yang pernah dicipta oleh Kolej Stamford, Kuala Lumpur yang mengutip 200 tan akhbar lama dalam tempoh beberapa bulan.

Dr Tan berkata, mengutip dan mengitar semula suratkhbar lama itu dapat mengurangkan pembuangan sisa pepejal di merata tempat.

Katanya, seorang penduduk negara ini menghasilkan kira-kira 0.8 kilogram sisa pepejal sehari, menjadikan purata 15,000 tan sisa pepejal dihasilkan di seluruh negara setiap hari.

Jumlah itu lebih tinggi di Lembah Klang kerana seorang penduduk di situ, menghasilkan kira-kira 1.5 kilogram sisa pepejal sehari.

Beliau berkata, jumlah itu agak membimbangkan dan kitar semula adalah satu daripada cara mengurangkan sisa pepejal.

"Sebenarnya, orang ramai menganggap sisa pepejal tidak bernilai dan hanya untuk dilupuskan. Tanggapan itu salah kerana sisa pepejal ada nilai ekonomi dan boleh membawa kesan tidak baik akibat pembuangan sisa pepejal tidak terkawal.

"Selain timbunan sisa pepejal, pembuangan sisa itu yang tidak terkawal

menyebabkan longkang tersumbat, banjir kilat seterusnya menjejaskan kesihatan," katanya.

(END)